

STPM/S922

**PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM)**

**KESUSASTERAAN MELAYU
Sukatan Pelajaran
dan Soalan Contoh**

Sukatan pelajaran ini digunakan bagi peperiksaan tahun 2004 dan tahun-tahun seterusnya sehingga diberitahu.

Walau bagaimanapun, teks kajian yang digunakan mungkin berubah dari semasa ke semasa dan calon dikehendaki menghubungi Majlis Peperiksaan Malaysia, nombor telefon 03-61369663 untuk maklumat terkini.



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

Sukatan Pelajaran 922 Kesusasteraan Melayu

	<i>Halaman</i>
Matlamat	1
Objektif	1
Kandungan	1
Huraian Sukatan Pelajaran	2 - 22
Bentuk Peperiksaan	23
Teks Kajian	24
Senarai Rujukan	25 - 26
Soalan Contoh Kesusasteraan Melayu (922) STPM:	
Kertas 1 (<i>Kesusasteraan Melayu Tradisional</i>)	27 - 33
Kertas 2 (<i>Kesusasteraan Melayu Moden</i>)	34 - 41

SUKATAN PELAJARAN

922 KESUSASTERAAN MELAYU

Matlamat

Matlamat sukatan pelajaran ini adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan pelajar tentang Kesusasteraan Melayu melalui pemelajaran sejarah, teori, kritikan, dan genre sastera. Sukatan pelajaran ini bertujuan untuk menyuburkan pertumbuhan dan perkembangan rohani pelajar menerusi penghayatan karya-karya pilihan yang berfungsi sebagai cerminan kehalusan seni, budi, pemikiran, intelek, pernyataan rasa, dan budaya bangsa Melayu.

Objektif

Objektif sukatan pelajaran ini ialah untuk membolehkan pelajar

- (a) memahami konsep asas kesusasteraan;
- (b) mengenali, mendalami, dan menghargai pelbagai jenis dan sifat kesusasteraan Melayu;
- (c) mengetahui suasana zaman, persekitaran sosial, latar masyarakat, dan pemikiran yang menghasilkan kesusasteraan;
- (d) mengesan dan mengambil iktibar nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang terungkap dalam kesusasteraan;
- (e) menguasai kaedah penghayatan seni sastera;
- (f) menguasai keindahan gaya bahasa sastera;
- (g) menganalisis dan merumuskan hasil kesusasteraan secara kritis;
- (h) menghasilkan penulisan esei yang bermutu tentang kesusasteraan;
- (i) menghasilkan karya kreatif berdasarkan bakat, pengalaman, dan pengetahuan.

Kandungan

Sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu

- (a) **Kesusasteraan Melayu Tradisional**, dan
- (b) **Kesusasteraan Melayu Moden**.

Untuk Kesusasteraan Melayu Moden, pemelajaran haruslah ditumpukan kepada Kesusasteraan Melayu Moden di Malaysia sahaja.

Bilangan waktu pemelajaran yang dinyatakan dalam sukatan pelajaran ini adalah anggaran sahaja.

Calon dikehendaki mengkaji teks-teks kajian yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL (190 WAKTU)

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
1 Pengenalan		4	Pengenalan umum definisi, fungsi, dan ciri sastera
1.1 Definisi	(i) Umum tentang kesusasteraan tradisional (ii) Khusus tentang kesusasteraan Melayu tradisional		
1.2 Fungsi	(i) Pendidikan/pengajaran/didaktik (ii) Kepuasan estetik		
1.3 Ciri	(i) Lisan (ii) Tulisan (iii) Kreatif (iv) Bukan kreatif (v) Estetik		
2. Jenis Kesusasteraan Melayu Tradisional			
2.1 Prosa Tradisional		8	Pengenalan umum jenis-jenis prosa tradisional: bentuk naratif dan bukan naratif
	2.1.1 Naratif: (i) Naratif lisan (a) Mitos (b) Legenda (c) Cerita rakyat (ii) Naratif tulisan (a) Sastera sejarah (b) Sastera hikayat (c) Sastera panji (d) Sastera kepahlawanan/epik		
	2.1.2 Bukan naratif: (i) Sastera undang-undang (ii) Sastera agama (iii) Sastera kitab (iv) Sastera ketatanegaraan		
2.2 Puisi Tradisional		8	Pengenalan umum jenis-jenis puisi tradisional: bentuk naratif dan bukan naratif
	2.2.1 Naratif: Syair		

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
	2.2.2 Bukan Naratif: (i) Pantun (ii) Gurindam (iii) Endoi (iv) Rejang (v) Dikir/Zikir (vi) Ruba'i (vii) Nazam (viii) Masnawi (ix) Ghazal (x) Barzanji (xi) Qit'ah (xii) Seloka (xiii) Teromba (xiv) Talibun (xv) Peribahasa berangkap (xvi) Mantera		
3 Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional			
3.1 Tahap	(i) Sastera lisan (ii) Sastera tulisan (a) Zaman Pra-Islam (b) Zaman Islam	6	Kemunculan dan perkembangan sastera lisan (tumpuan kepada cerita rakyat, mitos, dan legenda) dan sastera tulisan secara khusus
3.2 Tokoh	(i) Tun Seri Lanang (ii) Hamzah Fansuri (iii) Bukhari al-Jauhari (iv) Nuruddin al-Raniri (v) Sheikh Daud al-Fatani (vi) Raja Ali Haji (vii) Syed Muhammad bin Zainal Abidin (viii) Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani	8	Tokoh: Penekanan kepada latar, sumbangan, dan kepentingan
3.3 Persoalan dan latar masyarakat	(i) Keagungan raja dan negara (ii) Kepahlawanan (iii) Kesetiaan rakyat (iv) Panduan untuk raja, pembesar, dan rakyat (v) Keagamaan dan kepercayaan (vi) Pendidikan/moral (vii) Gambaran masyarakat	8	Gambaran kepercayaan dan cara hidup dalam karya

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
<p>4. Karya Agung dan Prosa Melayu Tradisional</p> <p>4.1 Penghayatan Intrinsik</p>	<p>4.0.1 Definisi: Takrif genre pilihan</p> <p>4.0.2 Fungsi: Penjelasan tentang fungsi genre pilihan</p> <p>4.0.3 Ciri/Sifat sastera: Penjelasan tentang ciri/sifat genre pilihan</p> <p>4.0.4 Kedudukan: (i) Keistimewaan (ii) Kemapanan</p>	<p>8</p> <p>36</p>	<p>Teks bagi genre pilihan termuat dalam:</p> <p>(i) Karya Agung: <i>Sulalatus Salatin Sejarah Melayu</i> selenggaraan A. Samad Ahmad</p> <p>(ii) Petikan-petikan genre pilihan prosa Melayu tradisional dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraan MPM</p> <p>Pengenalan umum definisi, fungsi, ciri/sifat sastera, dan kedudukan</p> <p>4.0.4 hanya untuk bahagian Karya Agung sahaja</p> <p>1. Aspek-aspek intrinsik dari 4.1.1 hingga 4.1.7 disentuh apabila berkaitan dengan petikan-petikan genre pilihan prosa Melayu tradisional dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraan MPM</p> <p>2. Pemelajaran berdasarkan kajian setiap petikan genre pilihan prosa Melayu tradisional dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraan MPM</p>

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
	<p>4.1.1 Tema/Persoalan/Pemikiran:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tema: Harfiah/tersurat dan tersirat (ii) Persoalan/Pemikiran (iii) Mesej <p>4.1.2 Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kemanusiaan (ii) Kemasyarakatan (iii) Keagamaan/Moral <p>4.1.3 Latar:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tempat (ii) Masa/Suasana (iii) Masyarakat <p>4.1.4 Plot dan peristiwa:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Peristiwa dan jalinannya (ii) Plot <ul style="list-style-type: none"> (a) Jenis Plot (b) Perkembangan Plot <p>4.1.5 Watak dan perwatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Jenis watak (ii) Peranan watak (iii) Perwatakan <ul style="list-style-type: none"> (a) Latar dan sejarah watak (b) Sifat dalaman (c) Sifat luaran <p>4.1.6 Gaya bahasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Personifikasi (ii) Simile/Kiasan (iii) Metafora (iv) Anafora (v) Ironi (vi) Paradoks (vii) Perlambangan (viii) Perbandingan (ix) Perulangan (x) Citra (xi) Dialek (xii) Pengaruh bahasa asing 		<p>Membincangkan tema, persoalan, pemikiran, mesej, nilai, dan latar karya</p> <p>Mengesan peristiwa-peristiwa penting dalam jalinan plot</p> <p>Mengenal pasti watak dan jenis perwatakannya</p> <p>Menguasai dan menghayati keindahan gaya bahasa</p>

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
4.2 Penghayatan Ekstrinsik	4.1.7 Teknik penulisan/persembahan: <ul style="list-style-type: none"> (i) Imbas muka/imbas kembali (ii) Dialog, monolog (iii) Naratif/pemerian (penceritaan langsung) (iv) Ketegangan/ Penyelesaian (v) Perulangan (vi) Prolog dan epilog (vii) Lisan (viii) Dramatik (penceritaan tak langsung) (ix) Didaktik (x) Pembahagian fasal/bab (xi) Lakonan/Pewayangan 	36	Menjelaskan pelbagai teknik yang digunakan 1. Aspek-aspek ekstrinsik dari 4.2.1 hingga 4.2.5 disentuh apabila berkaitan dengan petikan-petikan genre pilihan prosa Melayu tradisional dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraan MPM 2. Pemelajaran berdasarkan kajian setiap petikan genre pilihan prosa Melayu tradisional dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraan MPM
	4.2.1 Latar belakang penulis dan karya/pewarnaan setempat: <ul style="list-style-type: none"> (i) Latar belakang tokoh dan penghasilan karya (ii) Latar masyarakat 		1. Penekanan kepada latar, sumbangan, dan kepentingan 2. Pewarnaan setempat yang terdapat dalam karya
	4.2.2 Gambaran masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> (i) Pandangan hidup (ii) Kemasyarakatan (iii) Kemanusiaan 		Kaitan karya dengan zaman kelahiran karya tersebut

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
5. Puisi Melayu Tradisional	4.2.3 Peranan/Fungsi: <ul style="list-style-type: none"> (i) Pendidikan/Pengajaran (ii) Kepuasan estetik (iii) Sosial (iv) Keagamaan/Moral 		Peranan/Fungsi karya terhadap khalayak
	4.2.4 Unsur-unsur pengetahuan lain yang dikaitkan: <ul style="list-style-type: none"> (i) Agama (ii) Sejarah (iii) Kemanusiaan (iv) Kemasyarakatan 		Hubungan karya sastera dengan pengetahuan lain yang dikaitkan
	4.2.5 Nilai masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> (i) Nilai murni (ii) Unsur positif/negatif 		
	4.2.6 Ketatanegaraan: <ul style="list-style-type: none"> (i) Negeri beraja (ii) Kepimpinan (iii) Keperwiraan (iv) Kerakyatan (v) Perundangan 		Pemelajaran 4.2.6 dan 4.2.7 jika berkaitan dengan genre kajian sahaja
	4.2.7 Unsur-unsur tertentu: <ul style="list-style-type: none"> (i) Humor (ii) Pathos (iii) Pengaruh/Sentuhan budaya (iv) Pengembaraan (v) Mitos/Legenda (vi) Agama (vii) Asal-usul (viii) Binatang 		
			Teks bagi genre pilihan puisi Melayu tradisional termuat dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraan MPM
	5.0.1 Definisi: Takrif genre pilihan	8	Pengenalan umum definisi, fungsi, ciri/sifat sastera, dan kedudukan
	5.0.2 Fungsi: Penjelasan tentang fungsi genre pilihan		
	5.0.3 Ciri/Sifat sastera: Penjelasan tentang ciri/sifat genre pilihan		

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
5.1 Penghayatan Intrinsik	<p>5.1.1 Tema/Persoalan/Pemikiran</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tema: Harfiah/tersurat dan tersirat (ii) Persoalan/Pemikiran (iii) Mesej <p>5.1.2 Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kemanusiaan (ii) Kemasyarakatan (iii) Keagamaan/Moral <p>5.1.3 Latar:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tempat (ii) Masa/Suasana (iii) Masyarakat <p>5.1.4 Watak dan perwatakan (syair sejarah):</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Jenis watak (ii) Peranan watak (iii) Perwatakan <ul style="list-style-type: none"> (a) Latar dan sejarah watak (b) Sifat dalaman (c) Sifat luaran 	30	<p>1. Aspek-aspek intrinsik dari 5.1.1 hingga 5.1.9 disentuh apabila berkaitan dengan petikan-petikan genre pilihan puisi Melayu tradisional dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraan MPM</p> <p>2. Pemelajaran berdasarkan kajian setiap petikan genre pilihan puisi Melayu tradisional dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraan MPM</p> <p>Membincangkan tema, persoalan, pemikiran, mesej, nilai, dan latar karya</p> <p>Mengenal pasti watak dan jenis perwatakannya</p>

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
	<p>5.1.5 Gaya bahasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Personifikasi (ii) Simile/Kiasan (iii) Metafora (iv) Anafora (v) Epifora (vi) Ironi (vii) Paradoks (viii) Perlambangan (ix) Perbandingan (x) Hiperbola (xi) Alusi (xii) Perulangan (xiii) Inversi (xiv) Citra (xv) Asonansi (xvi) Aliterasi (xvii) Onomatopia (xviii) Rima (xix) Ritma/Irama <p>5.1.6 Bentuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Bebas <ul style="list-style-type: none"> (a) Seloka (b) Teromba (c) Talibun (d) Peribahasa berangkap (e) Mantera (ii) Terikat <ul style="list-style-type: none"> (a) Distikon (b) Terset (c) Kquatren (d) Kuintain (e) Sestet (f) Oktaf (g) Pantun (h) Gurindam (i) Syair (j) Endoi (k) Rejang (l) Dikir/Zikir (m) Ruba'i (n) Nazam (o) Masnawi (p) Ghazal (q) Barzanji (r) Qit'ah 		<p>Menguasai dan menghayati keindahan gaya bahasa</p>

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
5.2 Penghayatan Ekstrinsik	<p>5.1.7 Teknik penulisan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Bait/Rangkap (ii) Pembayang/Sampiran (iii) Maksud (iv) Suku kata (v) Bilangan perkataan (vi) Naratif (syair) (vii) Jeda <p>5.1.8 Nada, rentak, dan irama:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Romantis/Melankolik (ii) Sinis (iii) Satira (iv) Patriotik (v) Epigram (vi) Eligi <p>5.1.9 Intuisi: Perasaan dalaman sesebuah karya/seorang penyair</p> <p>5.2.1 Latar belakang penulis dan karya/ pewarnaan setempat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Latar belakang tokoh dan penghasilan karya (ii) Latar masyarakat 	30	<ol style="list-style-type: none"> 1. Aspek-aspek ekstrinsik dari 5.2.1 hingga 5.2.5 disentuh apabila berkaitan dengan petikan-petikan genre pilihan puisi Melayu tradisional dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraaan MPM 2. Pemelajaran berdasarkan kajian setiap petikan genre pilihan puisi Melayu tradisional dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Tradisional</i> selenggaraaan MPM <ol style="list-style-type: none"> 1. Penekanan kepada latar, sumbangan, dan kepentingan 2. Pewarnaan setempat yang terdapat dalam karya

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
	5.2.2 Gambaran masyarakat: (i) Pandangan hidup (ii) Kemasyarakatan (iii) Kemanusiaan 5.2.3 Peranan/Fungsi: (i) Pendidikan/Pengajaran (ii) Kepuasan estetik (iii) Sosial (iv) Keagamaan/Moral 5.2.4 Unsur-unsur pengetahuan lain yang dikaitkan: (i) Agama (ii) Sejarah (iii) Kemanusiaan (iv) Kemasyarakatan 5.2.5 Nilai masyarakat: (i) Nilai murni (ii) Unsur positif/negatif		Kaitan karya dengan zaman kelahiran karya tersebut Peranan/Fungsi karya terhadap khalayak Hubungan karya sastera dengan pengetahuan lain yang dikaitkan

BAHAGIAN KESUSASTERAAN MELAYU MODEN (210 WAKTU)

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
1 Pengenalan		4	Pengenalan umum definisi, fungsi, dan ciri sastera
1.1 Definisi	(i) Umum tentang kesusasteraan moden (ii) Khusus tentang kesusasteraan Melayu moden		
1.2 Fungsi	(i) Pendidikan/pengajaran/ didaktik (ii) Kepuasan estetik		
1.3 Ciri	(i) Tulisan (ii) Kreatif (iii) Bukan kreatif (iv) Estetik		
2. Jenis Kesusasteraan Melayu Moden	(i) Novel (ii) Cerpen (iii) Drama (iv) Sajak (v) Biografi (vi) Esei/Kritikan	4	Pengenalan umum jenis (i) hingga (vi) sahaja
2.1 Aliran	(i) Klasikisme (ii) Romantisisme (iii) Realisme (iv) Naturalisme (v) Absurdisme (vi) Surealisme (vii) Islam	4	Pengenalan umum aliran (i) hingga (vii) sahaja
3 Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden			Kajian ditumpukan kepada Kesusasteraan Melayu Moden di Malaysia sahaja
3.1 Tahap	(i) Zaman Abdullah Munsyi (ii) Zaman sebelum perang (iii) Zaman selepas perang	4	Pengenalan umum tahap perkembangan Kesusasteraan Melayu
3.2 Tokoh	(i) Abdullah Munsyi (ii) Syed Sheikh Al-Hadi (iii) Ahmad Rasyid Talu (iv) Abdul Rahim Kajai (v) Muhd Yassin Maamur (vi) Ishak Hj Muhammad	8	Tokoh: Penekanan kepada latar, sumbangan, dan kepentingan

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
	(vii) Sasterawan-sasterawan Negara (a) Keris Mas (b) Shahnnon Ahmad (c) Usman Awang (d) A. Samad Said (e) Arena Wati (f) Muhammad Haji Salleh (g) Noordin Hassan (h) Abdullah Hussain		
3.3 Persoalan dan realiti masyarakat	(i) Pertembungan timur-barat (ii) Reformasi pemikiran (iii) Emansipasi wanita (iv) Reformasi pendidikan (v) Nasionalisme (vi) Perpaduan (vii) Dasar Ekonomi Baru	8	Isu-isu dalam masyarakat yang mencetuskan persoalan dalam karya
3.4 Institusi	(i) Pejabat Karang-mengarang (ii) <i>Sultan Idris Training College</i> (SITC) (iii) ASAS 50 (iv) Penerbit (v) Dewan Bahasa dan Pustaka (vi) Jabatan Pengajian Melayu (vii) GAPENA (viii) Anugerah Sastera Negara (ix) Hadiah Sastera	6	Sumbangan yang dimainkan dari (i) hingga (ix) dilihat dalam konteks Kesusasteraan Melayu sahaja
4 Kritikan Sastera			
4.1 Pengenalan Kritikan		6	Pengenalan umum definisi, fungsi, dan ciri kritikan
	4.1.1 Definisi: Tanggapan awal dan kini		Tanggapan awal bermaksud tahun 1930-an
	4.1.2 Fungsi: (i) Proses berkarya (ii) Penghayatan karya		
	4.1.3 Ciri: (i) Sanjungan (ii) Teguran (iii) Saranan (iv) Pendekatan (v) Penganalisan (vi) Penilaian		

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
4.2 Sejarah Ringkas	4.2.1 Tahap: <ul style="list-style-type: none"> (i) Bermula pada 1949 (Aminuddin Baki) (ii) Sebelum perang dan ASAS 50 (iii) Selepas perang 4.2.2 Tokoh: <ul style="list-style-type: none"> (i) Asraf (ii) Hamzah (iii) Yahya Ismail (iv) Kassim Ahmad (v) Hashim Awang (vi) Shahnnon Ahmad (vii) Sahlan Mohd Saman (viii) Abdul Rahman Hanafiah (ix) Ramli Isin (x) Mohd Yusof Hasan 4.2.3 Isu: <ul style="list-style-type: none"> (i) Konsep pertentangan fungsi seni (ii) Idealisme formalistik (iii) Kaitan sastera dengan masyarakat (iv) Konsep sastera Islam/murni (v) Penggunaan pendekatan Barat dengan pendekatan Melayu 	14	Tahap: Kritikan sastera secara formal bermula pada tahun 1949 Tokoh: penekanan kepada latar, sumbangan, dan kepentingan
4.3 Pendekatan	4.3.1 Formalistik: <ul style="list-style-type: none"> (i) Ciri-ciri formal dalam karya sastera (ii) Hal-hal tersurat dan tersirat (iii) Keharmonian unsur dalam karya 4.3.2 Agama/Moral: <ul style="list-style-type: none"> (i) Nilai-nilai keagamaan (ii) Nilai-nilai murni/moral dalam karya 	4	1. Pengenalan asas-asas pendekatan dari 4.3.1 hingga 4.3.5 2. Penekanan kepada unsur-unsur dalam karya sastera seperti tema, plot, watak, sudut pandangan, latar, dan gaya bahasa

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
5 Novel dan Cerpen	4.3.3 Kemasyarakatan (sosiologi): (i) Kaitan karya dengan masyarakat tempat karya itu dilahirkan (ii) Karya sebagai cerminan masyarakat (iii) Karya sebagai dokumen sosial	6	Teks kajian: (i) Novel: <i>Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur</i> karya Keris Mas (ii) Cerpen-cerpen yang tersenarai dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Moden</i> selenggaraan MPM
	4.3.4 Kemanusiaan (psikologi): (i) Hubungan sastera dengan kejiwaan manusia (ii) Hubungan watak-watak karya dengan realiti masyarakat (iii) Pengajaran yang ditinggalkan (iv) Kejiwaan dan pemikiran pengarang	6	
	4.3.5 Keindahan (estetik/bahasa): (i) Kesan keindahan pengalaman, perasaan, imaginasi, dan wawasan (ii) Memahami dan menghayati keindahan penggunaan bahasa dalam karya sastera (iii) Keindahan dan keistimewaan dalam pengolahan karya	6	

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
5.1 Penghayatan Intrinsik	<p>5.1.1 Tema/Persoalan/Pemikiran:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tema: Harfiah/tersurat dan tersirat (ii) Persoalan/Pemikiran (iii) Mesej <p>5.1.2 Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kemanusiaan (ii) Kemasyarakatan (iii) Keagamaan/Moral <p>5.1.3 Latar:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tempat (ii) Masa/Suasana (iii) Masyarakat <p>5.1.4 Plot dan peristiwa:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Peristiwa dan jalinannya (ii) Plot <ul style="list-style-type: none"> (a) Jenis plot (b) Perkembangan plot <p>5.1.5 Watak dan perwatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Jenis watak (ii) Peranan watak (iii) Perwatakan <ul style="list-style-type: none"> (a) Latar dan sejarah watak (b) Sifat dalaman (c) Sifat luaran <p>5.1.6 Sudut pandangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Orang pertama (ii) Orang ketiga (iii) Pencerita serba tahu 	36	<p>1. Penghayatan intrinsik dan ekstrinsik boleh digabungkan mengikut keadaan dan keperluan</p> <p>2. Pemelajaran cerpen boleh dilakukan berasingan atau berkelompok mengikut tema dan aspek-aspek tertentu</p> <p>Membincangkan tema, persoalan, pemikiran, mesej, nilai, dan latar karya</p> <p>Mengesan peristiwa-peristiwa penting dalam jalinan plot</p> <p>Mengenal pasti watak dan jenis perwatakannya serta sudut pandangan pengarang</p>

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
5.2 Penghayatan Ekstrinsik	5.1.7 Gaya bahasa: <ul style="list-style-type: none"> (i) Personifikasi (ii) Simile/Kiasan (iii) Metafora (iv) Ironi (v) Paradoks (vi) Perlambangan (vii) Perbandingan (viii) Citra (ix) Dialek (x) Pengaruh bahasa asing 	36	Menguasai dan menghayati keindahan gaya bahasa
	5.1.8 Teknik: <ul style="list-style-type: none"> (i) Imbas mukalimbas kembali (ii) Dialog, monolog/monolog dalaman (iii) Naratif/pemerian (penceritaan langsung) (iv) Ketegangan/Penyelesaian (v) Arus kesedaran (vi) Perulangan (vii) Dramatik (penceritaan tak langsung) (viii) Didaktik 		Menjelaskan pelbagai teknik yang digunakan
	5.2.1 Biografi pengarang: Riwayat hidup pengarang		Penekanan kepada latar, sumbangan, dan kepentingan
	5.2.2 Gambaran masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> (i) Pandangan hidup (ii) Kemasyarakatan (iii) Kemanusiaan 		Kaitan karya dengan zaman kelahiran karya tersebut
	5.2.3 Peranan/Fungsi: <ul style="list-style-type: none"> (i) Pendidikan/Pengajaran (ii) Kepuasan estetik (iii) Sosial (iv) Keagamaan/Moral 		Peranan/Fungsi karya terhadap khalayak
5.2.4 Latar karya/Pewarnaan setempat: <ul style="list-style-type: none"> (i) Latar belakang penghasilan karya (ii) Latar masyarakat 	Pewarnaan setempat yang terdapat dalam karya		
5.2.5 Unsur-unsur pengetahuan lain yang dikaitkan <ul style="list-style-type: none"> (i) Agama (ii) Sejarah (iii) Kemanusiaan (iv) Kemasyarakatan 	Hubungan karya sastera dengan pengetahuan lain yang dikaitkan		

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
<p>6. Drama (Naskhah dan aspek pementasan)</p> <p>6.1 Dramatis dan pengarah</p> <p>6.2 Stail/Gaya pementasan</p> <p>6.3 Tema/ Persoalan/ Pemikiran</p> <p>6.4 Plot dan peristiwa</p> <p>6.5 Watak, perwatakan, dan lakonan</p>	<p>5.2.6 Nilai masyarakat: (i) Nilai murni (ii) Unsur positif/negatif</p> <p>Biografi dan peranan yang dimainkan dalam perkembangan drama tanah air serta latar belakang sezaman yang melahirkan teks kajian</p> <p>(i) Realisme (ii) Bukan realisme</p> <p>(i) Tema: Harfiah/tersurat dan tersirat (ii) Persoalan/Pemikiran (iii) Mesej</p> <p>(i) Perkembangan plot (ii) Peristiwa dan jalinannya</p> <p>(i) Jenis watak (ii) Peranan watak (iii) Perwatakan (a) Latar dan sejarah watak (b) Sifat rohaniah/ dalaman (c) Sifat jasmaniah/luaran (iv) Interaksi watak (v) Atur gerak</p>	<p>28</p>	<p>Hubungan nilai dalam karya dengan nilai masyarakat</p> <p>Teks kajian drama termuat dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Moden</i> selenggaraan MPM</p> <p>Dramatis di sini bermaksud penulis skrip drama</p> <p>Meninjau biografi dramatis dan pengarah dari aspek yang berkaitan dengan sastera sahaja</p> <p>Meneliti stail/gaya pementasan dari drama berbentuk realisme dan bukan realisme</p> <p>Mengenal pasti dan membincangkan tema, serta segala persoalan yang timbul dalam karya</p> <p>Menjelaskan plot dan rentetan peristiwa yang berkaitan</p> <p>Mengenal watak dari aspek jenis, peranan, perwatakan, interaksi watak, dan atur gerak</p> <p>Membincangkan interaksi watak dan atur gerak melalui lakonan realisme dan bukan realisme</p>

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
6.6 Keindahan bahasa dan dialog/ pengucapan	<ul style="list-style-type: none"> (i) Personifikasi (ii) Simile/Kiasan (iii) Metafora (iv) Anafora (v) Ironi (vi) Paradoks (vii) Perlam bangan (viii) Perbandingan (ix) Citra (x) Dialek (xi) Pengaruh bahasa asing (xii) Dialog/Pengucapan <ul style="list-style-type: none"> (a) Sebutan/Artikulasi (b) Intonasi (c) Projeksi 		Meneliti dan menikmati unsur keindahan bahasa dan dialog serta mencuba beberapa aspek pengucapan seperti artikulasi, intonasi, dan projeksi
6.7 Teknik penulisan	<ul style="list-style-type: none"> (i) Imbas muka/imbasi kembali (ii) Dialog, monolog/ monolog dalaman (iii) Naratif/pemerian (penceritaan langsung) (iv) Ketegangan/Penyelesaian (v) Arus kesedaran (vi) Perulangan (vii) Dramatik (penceritaan tak langsung) (viii) Didaktik 		Menjelaskan pelbagai teknik yang digunakan
6.8 Kekaguman	<p>6.8.1 Visual</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pentas (ii) Set (iii) Prop (iv) Cahaya (v) Kostum <p>6.8.2 Aural</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Muzik (ii) Kesan bunyi 		Memperkenalkan dan membincangkan aspek-aspek kekaguman dalam pementasan

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
<p>7 Sajak</p> <p>7.1 Penghayatan Intrinsik</p>	<p>7.1.1 Temai Persoalan/Pemikiran:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tema: Harfiah/tersurat dan tersirat (ii) Persoalan/Pemikiran (iii) Mesej <p>7.1.2 Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kemanusiaan (ii) Kemasyarakatan (iii) Keagamaan/Moral <p>7.1.3 Latar:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tempat (ii) Masa/Suasana (iii) Masyarakat <p>7.1.4 Gaya bahasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Personifikasi (ii) Simile/Kiasan (iii) Metafora (iv) Anafora (v) Epifora (vi) Ironi (vii) Paradoks (viii) Perlambangan (ix) Perbandingan (x) Hiperbola 	<p>12</p>	<p>1. Teks kajian sajak termuat dalam buku <i>Mutiara Sastera Melayu Moden</i> selenggaraan MPM.</p> <p>2. Pemelajaran sajak boleh dilakukan secara berasingan atau berkelompok mengikut tema dan aspek-aspek tertentu, dan boleh juga dilakukan mengikut zaman kelahiran sajak tersebut.</p> <p>3. Penghayatan intrinsik dan ekstrinsik boleh digabungkan mengikut keadaan dan keperluan.</p> <p>Membincangkan tema, persoalan, pemikiran, mesej, nilai, dan latar karya</p> <p>Menguasai dan menghayati keindahan gaya bahasa</p>

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> (xi) Alusi (xii) Perulangan (xiii) Inversi (xiv) Citra (xv) Asonansi (xvi) Aliterasi (xvii) Onomatopia (xviii) Rima (xix) Ritma/Irama <p>7.1.5 Intuisi: Perasaan dalaman sesebuah karya/seseorang penyair</p> <p>7.1.6 Bentuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Sajak bebas (ii) Terikat <ul style="list-style-type: none"> (a) Distikon (b) Terset (c) Kuatren (d) Kuintain (e) Sestet (f) Oktaf (g) Pantun (h) Syair <p>7.1.7 Nada, rentak, dan irama:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Balada (ii) Protes (iii) Romantik/Melankolik (iv) Sinis (v) Satira (vi) Patriotik (vii) Epigram (viii) Eligi 		
7.2 Penghayatan Ekstrinsik	<p>7.2.1 Biografi pengarang: Riwayat hidup penyair</p> <p>7.2.2 Gambaran masyarakat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pandangan hidup (ii) Kemasyarakatan (iii) Kemanusiaan 	14	<p>Penekanan kepada latar, sumbangan, dan kepentingan</p> <p>Kaitan karya dengan zaman kelahiran karya tersebut</p>

Tajuk	Huraian	Waktu	Catatan
	<p>7.2.3 Peranan/Fungsi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pendidikan/Pengajaran (ii) Kepuasan estetik (iii) Sosial (iv) Keagamaan/Moral <p>7.2.4 Latar karya/Pewarnaan setempat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Latar belakang penghasilan karya (ii) Latar masyarakat <p>7.2.5 Unsur-unsur pengetahuan lain yang dikaitkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Agama (ii) Sejarah (iii) Kemanusiaan (iv) Kemasyarakatan <p>7.2.6 Nilai masyarakat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Nilai murni (ii) Unsur positif/negatif <p>7.2.7 Deklamasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Cara penyampaian (ii) Pengucapan sajak (iii) Gaya (iv) Mimik (v) Intonasi (vi) Ritma/lrama 		<p>Peranan/Fungsi karya terhadap khalayak</p> <p>Pewarnaan setempat yang terdapat dalam karya</p> <p>Hubungan sajak dengan pengetahuan lain yang dikaitkan</p> <p>Digalakkan menghayati sajak dengan mendeklamasinya</p>

Bentuk Peperiksaan

Peperiksaan bagi mata pelajaran ini terdiri daripada dua kertas. Calon dikehendaki mengambil kedua-dua kertas, seperti yang berikut:

- (a) **Kertas 1: KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL**, dan
- (b) **Kertas 2: KESUSASTERAAN MELAYU MODEN**

Soalan-soalan yang dikemukakan berdasarkan semua tajuk dalam sukatan pelajaran. Soalan-soalan akan menguji kefahaman calon tentang tajuk-tajuk yang dihuraikan dalam sukatan pelajaran, dan juga konsep serta penghayatan yang perlu dalam kajian Kesusasteraan Melayu.

Kertas 1: Kesusasteraan Melayu Tradisional – 3 jam

Kertas ini terdiri daripada lapan soalan dengan empat bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, dan D. Tiap-tiap bahagian mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab empat soalan sahaja: satu soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A: *Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional*

Bahagian B: *Karya Agung*

Bahagian C: *Prosa Melayu Tradisional*

Bahagian D: *Puisi Melayu Tradisional*

Kertas 2: Kesusasteraan Melayu Moden – 3 jam

Kertas ini terdiri daripada lapan soalan dengan empat bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, dan D. Tiap-tiap bahagian mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab empat soalan sahaja: satu soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A: *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden dan Kritikan Sastera*

Bahagian B: *Novel dan Cerpen**

Bahagian C: *Drama*

Bahagian D: *Sajak*

Nota: * Dua soalan dalam bahagian ini boleh terdiri daripada dua soalan tentang novel sahaja, atau dua soalan tentang cerpen sahaja, atau satu soalan tentang novel dan satu soalan tentang cerpen.

Teks Kajian

1. BAHAGIAN KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL

(i) Karya Agung

A. Samad Ahmad (penyelenggara), 2003. *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* (Edisi Pelajar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(ii) Prosa Melayu Tradisional dan Puisi Melayu Tradisional

Majlis Peperiksaan Malaysia (penyelenggara), 2003. *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2. BAHAGIAN KESUSASTERAAN MELAYU MODEN

(i) Novel

Keris Mas, 2003. *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(ii) Cerpen, Drama, dan Sajak

Majlis Peperiksaan Malaysia (penyelenggara), 2003. *Mutiara Sastera Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

NOTA: Tidak ada teks kajian untuk tajuk-tajuk tentang Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Moden serta Kritikan Sastera. Calon hendaklah merujuk kepada buku-buku yang dinyatakan dalam Senarai Rujukan (sekadar cadangan) mengikut kehendak sukatan pelajaran bagi bahagian ini.

Senarai Rujukan

Pengenalan Kesusasteraan dan Kritikan Sastera:

1. Ahmad Kamal Abdullah, Mohd Thani Ahmad, Safian Hussain, Suhaimi Hj Muhammad (penyelenggara), 1988. *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Ali Ahmad, 1997. *Pengantar Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Hashim Awang, 1988. *Kritikan Kesusasteraan - Teori Dan Penu/isan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. _____, Othman Puteh, Ramli Isin, Sahlan Mohd Saman (penyelenggara), 1985. *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
5. Noriah Taslim, 1993. *Teori Dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Sahlan Mohd Saman, 1986. *Sastera Bandingan Konsep Teori Dan Amalan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional:

1. Ismail Mat (penyunting),] 993. *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Jamilah Hj Ahmad dan Zalila Sharif, 1993. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Muhammad A. Bakar (penyelenggara), 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
4. Teuku Iskandar, 1995. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Shah Alam: Malindo Printers Sdn Bhd.

Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden:

1. Ahmad Kamal Abdullah (penyelenggara), 1993. *Jambak 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. _____ (penyelenggara),]993. *Jambak 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. _____ dan Zaiton Ajamain (penyelenggara), 1995. *Jambak 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. _____ (penyelenggara), 1995. *Jambak 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. _____, Hashim Awang, Ramli Isin, Sahlan Mohd Saman, dan Zakaria Ariffin (penyelenggara), 1990. *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, Jilid II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Johan Jaafar, Mohd Thani Ahmad, dan Safian Hussain (penyelenggara), 1981. *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Mohd Thani Ahmad (penyelenggara), 1989. *Wajah: Biografi Penu/is*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kesusasteraan Melayu Tradisional:

1. Abd Rahman Kaeh dan Yusoff Iskandar, 1978. *Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Kritis Dari Pelbagai Bidang*. Kuala Lumpur: Heinemann.
2. Ali Hj Ahmad, 1987. *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Harun Mat Piah, 1989. *Puisi Melayu Tradisional - Satu Pembicaraan. Genre Dan Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Ismail Hamid, 1983. *Kesusasteraan Melayu Lama Dari Warisan Peradaban Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
5. Mohd Taib Osman (penyelenggara), 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Mohd Yusuf Md Nor dan Abd Rahman Kaeh (penyelenggara), 1995. *Puisi Melayu Tradisional*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
7. Zahrah Ibrahim (Penyelenggara), 1986. *Sastera Sejarah - Interpretasi Dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kesusasteraan Melayu Moden:

1. Abdul Rahman Napiah, 1987. *Drama Moden Malaysia: Perkembangan Dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Ali Ahmad, 1974. *Tema Sajak-Sajak Melayu 1933-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Hashim Awang, 1975. *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Tema Dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Kamaruzzaman Abd Kadir, 1982. *Nasiona/isme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Mohamad Mokhtar Hassan, 1995. *Sejarah Kritikan Puisi Melayu Moden 1949-1979*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
6. Othman Puteh, 1983. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Pemikiran Dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Rahmah Bujang (penyelenggara), 1982. *Drama Melayu 25 Tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. Shahnon Ahmad, 1979, *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
9. Solehah Ishak, 1987. *Histrionics Of Development: A Study Of The Contemporary Malay Playwrights*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

SOALAN CONTOH

922/1

STPM

KESUSASTERAAN MELAYU
KERTAS 1 KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL
(Tiga jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

Jawab empat soalan sahaja: satu soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B, C, dan D.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.
© Majlis Peperiksaan Malaysia

Bahagian A: SEJARAH KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.

1 Cerita lipur lara merupakan salah sebuah cerita rakyat Melayu yang popular. Dengan memberikan contoh-contoh, bincangkan perkara-perkara yang berikut

- (a) Fungsi-fungsi cerita lipur lara [9]
- (b) Sifat-sifat ceritanya [16]

2 “Kedatangan Islam telah memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional.”

- (a) Huraikan sumbangan-sumbangan tersebut. [16]
- (b) Nyatakan ciri-ciri tertentu pada karya-karya Melayu tradisional zaman tersebut. [9]

Bahagian B: KARYA AGUNG (SULALATUS SALATIN SEJARAH MELAYU)

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

3 Baca petikan di bawah ini dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Berapa lama antaranya di jalan, maka sampailah ke Pahang, lalu mudik ke negeri. Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Muhammad, “Bahawa Laksamana datang, dititahkan paduka adinda dari Melaka mengadap tuanku.” Maka baginda pun keluarlah dihadap segala hulubalang Pahang. Maka disuruh baginda jemput surat dari Melaka itu. Seri Pikrama Raja, Penghulu Bendahari Pahang, dititahkan baginda menjemput surat itu. Setelah datang ke perahu Laksamana, maka surat pun disambut orang, dibawa ke darat bersama-sama dengan Laksamana. Maka surat itu pun dibawa naik ke atas gajah, lalu diarak dengan gendang, serunai, nafiri, nagara, di bawah payung putih berapit dua. Maka Laksamana pun berpesan pada seorang orangnya, “Jikalau surat sudah dibaca, hendaklah engkau bunuh seorang keluarga Seri Akar Raja.” Maka kata orang itu, “Baiklah”. Maka surat pun sampailah ke dalam. Segala orang yang mengadap Sultan Muhammad itu sekaliannya turun dari atas balai, melainkan Sultan Pahang juga tinggal seorangnya. Maka gajah pun dikepilkan di balai, surat pun disambut oleh bentara, lalu dibaca oleh khatib, demikian bunyinya, “Salam doa paduka adinda datang kepada kekanda ...”

(Dipetik daripada A. Samad Ahmad [peny.], 2003.
Sulalatus Salatin Sejarah Melayu (Edisi Pelajar),
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.)

(a) Huraikan **tiga** perkara penting yang terdapat dalam petikan di atas. [6]

(b) Huraikan arahan Sultan Muhammad sebelum petikan di atas yang menyebabkan Laksamana dihantar ke Pahang. [8]

(c) Siapakah paduka adinda dalam petikan di atas, dan bincangkan ketegasan baginda dalam pemerintahan seperti yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*? [11]

4 “Tun Seri Lanang banyak menyelitkan unsur mitos dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*.”

(a) Nyatakan **tiga** jenis mitos yang diselitkan Tun Seri Lanang, dan huraikan **satu** contoh mitos bagi setiap jenis yang dinyatakan. [15]

(b) Bincangkan fungsi mitos yang digunakan Tun Seri Lanang. [10]

Bahagian C: PROSA MELAYUTRADISIONAL

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

5 (a) Berdasarkan cerita “Bawang Putih Bawang Merah” seperti yang terdapat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*, nyatakan **dua** sifat bagi setiap watak berikut.

- (i) Bawang Putih [2]
- (ii) Bawang Merah [2]
- (iii) Mak Labu [2]
- (iv) Mak Kundur [2]
- (v) Pak Ali [2]

(b) Huraikan **tiga** unsur didaktik atau pengajaran yang terdapat dalam cerita “Bawang Putih Bawang Merah” tersebut. [15]

6 Baca petikan di bawah ini, dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

“Ya *tuanku*, ada suatu bicara. Kita suruh curi kerisnya diperoleh daripada Taming Sari itu. *Patik* dengar daripada segala penjurit yang tua, jikalau ada keris Taming Sari itu pada *laksamana*, bahawa sekalisekali *laksamana* tiada mati oleh senjata, kerana kerisnya Taming Sari itu tiada dapat ditentang oleh lawan; kerana sebab itulah tatkala Taming Sari mengamuk itu, maka tiada dapat ditentang oleh lawan. *Patik* mohonkan ampun dan kurnia; ada seorang penjurit *patik* peliharakan yang bernama Sang Bima Sina itu, terlalu kepetangan; di hadapan orang beribu-ribu pun dapat diambilnya.”

(Majlis Peperiksaan Malaysia [peny.], 2003.
Hikayat Hang Tuah “Bab VIII - Kebijaksanaan Pahlawan Melayu” dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.)

(a) Siapakah watak-watak yang dirujuk dalam petikan di atas sebagai

- (i) *tuanku*, [2]
- (ii) *patik*, dan [2]
- (iii) *laksamana*? [2]

(b) Nyatakan matlamat pakatan itu diatur seperti yang tergambar dalam petikan *Hikayat Hang Tuah* “Bab VIII – Kebijaksanaan Pahlawan Melayu” dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. [3]

(c) Dengan berdasarkan petikan *Hikayat Hang Tuah* “Bab VIII – Kebijaksanaan Pahlawan Melayu” dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*, jelaskan **empat** peristiwa yang berlaku akibat daripada pakatan tersebut. [16]

Bahagian D: PUISI MELAYU TRADISIONAL

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

7 Baca dengan teliti kedua-dua petikan puisi di bawah ini, dan jawab soa/an-soa/an yang mengikutinya.

- (a) Apabila anak tidak dilatih,
Jika besar bapanya letih.
- Apabila banyak mencela orang,
Itulah tanda dirinya kurang.
- Apabila orang yang banyak tidur,
Sia-sia sahalah umur.
- Apabila mendengar akan khabar,
Menerimanya itu hendaklah sabar.
- Apabila mendengar akan aduan,
Membicarakannya itu hendaklah cemburuan.
- Apabila perkataan yang lemah lembut,
Lekaslah segal a orang yang mengikut.

(Majlis Peperiksaan Malaysia [peny.], 2003.
Mutiara Sastera Melayu Tradisional.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- (i) Nyatakan jenis puisi di atas. [2]
- (ii) Huraikan **enam** mesej yang terkandung dalam puisi di atas. [12]

(b) Melangkah dengan pukal,
Berjalan dengan tawakal,
Bercakap dengan akal.

Berdakup muka mentua,
Bertaup muka menantu,
Takkan semenggah rumah tangga.

Mengumpat pagi,
Mengeji petang,
Lalat buta pun tak mahu singgah.

(Majlis Peperiksaan Malaysia [peny.], 2003.
Mutiara Sastera Melayu Tradisional.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- (i) Nyatakan jenis puisi di atas. [2]
(ii) Jelaskan **tiga** pemikiran yang dikemukakan dalam puisi di atas. [9]

8 Baca petikan puisi di bawah ini, dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

“Syair Kelebihan Ilmu: Ilmu Itu Bekalan Hidup”

Berkata ilmu akulah sultan,
Kerajaan aku darat dan lautan,
Jahil berseru akulah syaitan,
Ikutlah aku merata hutan.

Ilmu itu gemala sakti, 5
Sinamanya cerah cahaya sejati,
Asal puncanya lamun didapati,
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat ternilaiakan, 10
Sebuah dunia belinya bukan,
Kuasanya bersukat digunakan,
Di laut, di darat, di rimba dan pekan.

Jasa seorang ialah taulan, 15
Teman berbeka suluh berjalan,
Jasa berhimpun ialah pengenalan,
Hiasan penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur, 20
Ia penerang bagi yang kabur,
Ialah kandil di dalam kubur,
Lamun dengannya beramal subur.

Ialah penerangan ke jalan syurga,
Ia pemuas tekak dan dahaga,
Ialah sungai ialah telaga,
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna, 25
Idaman orang yang bijaksana,
Hampirnya luas pandang sejuta,
Tepinya ajal sempadannya fana.

(Majlis Peperiksaan Malaysia [peny.], 2003.
Mutiara Sastera Melayu Tradisional.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.)

(a) Huraikan **lima** teknik penulisan puisi di atas. [15]

(b) Jelaskan **lima** persoalan yang terdapat dalam puisi di atas. [10]

SOALAN CONTOH

922/2

STPM

KESUSASTERAAN MELAYU
KERTAS 2 KESUSASTERAAN MELAYU MODEN
(Tiga jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

Jawab empat soalan sahaja: satu soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B, C, dan D.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.
© Majlis Peperiksaan Malaysia

**Bahagian A: SEJARAH KESUSASTERAAN MELAYU MODEN
DAN KRITIKAN SASTERA**

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.

1 “Sarjana-sarjana sastera banyak memperkatakan tentang pembaharuan yang dibawa oleh Abdullah Munsyi dalam kesusasteraan Melayu moden.” Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan **lima** aspek pembaharuan yang diperkenalkan oleh Abdullah Munsyi. [25]

2 “Kesusasteraan dianggap sebagai cermin masyarakat. Justeru itu, kesusasteraan diterima sebagai satu dokumen sosial bagi masyarakat yang melahirkannya.”

(a) Huraikan maksud kesusasteraan sebagai satu dokumen sosial. [9]

(b) Jelaskan bagaimana latar belakang masyarakat zaman sebelum perang dapat menjadi bagi seseorang penyair menghasilkan sajak-sajak mereka. [16]

Bahagian B: NOVEL DAN CERPEN

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

3 “Novel *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* karya Keris Mas merupakan sebuah karya kritikan sosial.” Jelaskan **lima** kritikan sosial yang terdapat dalam novel tersebut dengan contoh-contohnya. [25]

4 Baca petikan cerpen di bawah ini, dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

“Saya mahu tempat yang baik,” kata Tahir dengan suara penuh yakin kerana di sakunya penuh dengan wang.

“Tempat yang baik?” Tanya penggali kubur itu.

“Ya.”

“Carilah sendiri.”

“Wak yang kerja sini, bukan saya.”

“Saya kerja bila saya maim kerja.”

“Tapi ini kematian. Anak saya akan ditanam di sini petang ini.”

“Ya, tanamlah.”

Tahir mengeluarkan gumpalan wangnya. Kerana sangkaannya orang tua penggali kubur itu harus disuapi dahulu. Ia menghulurkan wang kertas lima ringgit.

“Tidak. Jangan fikir saya minta wang dari encik.”

(Majlis Peperiksaan Malaysia [peny.], 2003.
Cerpen “Harga Hidup” dalam *Mutiara Sastera Melayu Moden*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.)

(a) Nyatakan **dua** sebab mengapa Tahir menghulurkan wang kertas lima ringgit kepada penggali kubur. [4]

(b) Jelaskan **tiga** punca yang menyebabkan anak Tahir meninggal dunia dalam cerpen “Harga Hidup” ini. [9]

(c) Dengan berdasarkan cerpen “Harga Hidup”, huraikan **tiga** prinsip hidup yang dipegang oleh watak penggali kubur. [12]

Bahagian C: DRAMA

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

5 Baca petikan drama di bawah ini, dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

PAK HAMID: Di England nanti, kau akan berjumpa dengan berbagai-bagai corak ragam manusia. Kebanyakan bertentangan dengan penghidupan kita orang-orang Timur. Aku ingin benar menengok kau seperti setengah-setengah orang kita, bila balik dari belajar ke luar negeri memberikan khidmat bakti dan ilmunya kepada kemajuan masyarakat. Aku harap di mana kau berada, kau mesti ingat dan kenai diri kau orang Melayu, ada beradat-istiadat, kesenian dan kebudayaan. Moden, tamadun dan adat resam Barat yang menyesatkan lagi tak menguntungkan, janganlah dibawa pulang.

(Majlis Peperiksaan Malaysia [peny.], 2003.
Drama “Lawyer Dahlan” dalam *Mutiara Sastera Melayu Moden*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- (a) Siapakah watak *kau* yang dimaksudkan dalam petikan di atas? [2]
- (b) Jelaskan peranan Pak Hamid terhadap watak *kau* berdasarkan drama “Lawyer Dahlan” seperti yang terdapat dalam *Mutiara Sastera Melayu Moden*. [8]
- (c) Huraikan **lima** harapan Pak Hamid terhadap watak *kau* berdasarkan drama tersebut. [15]

6 Huraikan **lima** aspek pementasan yang menimbulkan kekaguman dalam drama “Malam Ini Penyu Menangis” seperti yang terdapat dalam *Mutiara Sastera Melayu Moden*. [25]

Bahagian D: SAJAK

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

7 Baca sajak di bawah ini, dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

USMAN AWANG

Ibuku

(Dengan Apologi kepada Hong Lang)

IBUKU mempunyai seribu mimpi
yang dipikunya tiap hari
sambil menimangku ia pun menyanyi:

Timang tinggi-tinggi,
dapur tak berasap,
bila besar nanti,
jangan masuk lokap.

5

Ibuku tidak mengenal buku dan sekolah
tiap pagi terbongkok-bongkok di lumpur sawah
menggaru betisnya yang dikerumuni lintah.
Hatinya selalu teringat
suaminya yang mati melarat
setelah dikerumuni lintah darat.

10

Ibuku tangannya kasar berbelulang
mengangkat batu-bata bangunan
wajahnya dibedaki debu berterbangan.
Ibu tidak pernah mengenal *supermarket*
tinggal di bilik sempit
upah buruhnya sangat sedikit.

15

Ibuku tidak punya peti TV
tidak berpeluang pula menontonnya
tak pernah mengikuti laporan parlimen
atau ceramah bagaimana menambah jumlah penduduk
tidak pula tahu adanya forum kemiskinan
atau pertunjukan masak-masakan
dengan resepi yang sangat menakjubkan.

20

25

Ibuku setiap pagi berulang ke kilang
bekerja dengan tekun hingga ke malam
mikroskop itu menusuk matanya dengan kejam
kaburlah mata ibu diselaputi logam.

30

<p>apalagi tentang seni dan puisi. Jika ditanya makna melabur nama-nama saham yang menjanjikan makmur atau tentang dasar pandang ke timur, ibu tersenyum menunjukkan mangkuk bubur yang melimpah kanji beras hancur.</p>	35
<p>O ibuku sayang di negerimu kau menumpang. Sese kali kudengar ibu menyanyi pantun tradisi caranya sendiri: Siakap senohong, gelama ikan duri, bercakap bohong, tak boleh jadi menteri.</p>	40 45

1984

(Majlis Peperiksaan Malaysia [peny.], 2003.
Mutiara Sastera Melayu Moden.
 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (a) Nyatakan **empat** sifat “ibuku” seperti yang terdapat dalam sajak di atas. [4]
- (b) Jelaskan **tiga** persoalan yang ingin dikemukakan oleh penyair dalam sajak di atas [9]
- (c) Dengan memberikan contoh, huraikan **empat** unsur gaya bahasa yang memperlihatkan nilai estetik sajak di atas. [12]

ZAEN KASTURI
Ke Ruang Katarsis

Sesudah mengisi mimpi sesia di ranjang nyedar
apakah yang sempat kita kutip lewat darah dan air mata
poyang moyang yang tumpah ke cangkir resah

resah menggeliat ke tanah
resah menggeliat ke rimba
resah memulas ke tulang bangsa. 5

Barangkali kitalah penanam padi-padi hampa
membiarkan anak-anak keridik mencuri meresik
malinja dan mahsuri di bendang galauan
hingga gugup mengatur genta pertama 10

gugup lahir di mata kita
gugup lahir di suara kita
gugup membiak di mana-mana.

Kita tidak lagi pernah bertanya kenapa manusia
harus jadi manusia tanpa menolak kebenaran untuk jadi
manusia yang tegar meniup seruling kemanusiaan
yang ligat memetik kecapi keluhuran
kerana kita lupa apa yang tersimpan di album bangsa 15

album bangsa pernah menyimpan sejuta potret luka
luka berpinar ke nyali jagat
luka berputar ke rohaniah umat
luka menyentak haluan kiblat. 20

Esok kita bakal menggali tanah
dan menggalas cangklong maut dari kulit sendiri
ke manakah bangkai dosa akan dikirim
ke kali tujuh penjuru gunung
atau ke laut tujuh penjuru tanjung
sedang kita pernah menari ala canggung maharisi
di kaki bicara nihilisme. Sempurnakah kekesalan kita dengan
melimpahkan air mata nanah ke luka bangsa? 25 30

Jerit kita nanti cuma tulang-tulang yang tidak
sempat ditalkinkan pada saat pertama lolong angin tenggara
memintal duka bersama
pekik kita nanti cuma darah-darah yang tidak sempat
dikebumikan pada saat pertama raung hujan selatan
menganyam gugup yang bergantung di dada. 35

arena kita nanti bukan lagi saujana padang lalang
muzik kita nanti bukan lagi tabuh sayap merpalang.

Ayunkan roh anak ke pintu hakiki
dodoikan nyali anak ke perabung maknawi
temani tidur mereka dengan mimpi-mimpi wangi
dan selimut iman dari Tuhan.

40

1994

(Majlis Peperiksaan Malaysia [peny.], 2003.
Mutiara Sastera Melayu Moden.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- (a) Jelaskan tema sajak di atas. [4]
- (b) Jelaskan **tiga** mesej yang ingin disampaikan oleh penyair dalam sajak di atas. [9]
- (c) Dengan memberikan contoh, huraikan **empat** bentuk perulangan yang digunakan oleh penyair dalam sajak di atas. [12]